

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

KUTKM.02/10.12/2Jld. 2(39)

26 OKTOBER 2004

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2004

### **PELANTIKAN KETUA-KETUA FAKULTI / PUSAT KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada pengetahuan semua staf dan pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia berhubung pelantikan Ketua-Ketua Fakulti / Pusat Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia seperti berikut:

1. **Yang Berbahagia Profesor Abdul Hamid bin Hamidon sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.**
2. **Yang Berbahagia Profesor Dr. Md Razali bin Ayob sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.** Sehubungan dengan pelantikan ini Profesor Madya Abdul Salam bin Md. Tahir akan dilepaskan dari tanggungjawab sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal mulai 31 Oktober 2004.
3. **Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Razali bin Muhamad sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.** Sehubungan dengan pelantikan ini Yang Berbahagia Profesor Dr. Md. Razali bin Ayob akan dilepaskan dari tanggungjawab sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan mulai 31 Oktober 2004.
4. **Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohammad Ishak bin Desa sebagai Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.**
5. **Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei sebagai Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.** Sehubungan dengan pelantikan ini, Profesor Madya Dr. Zolkepli bin Buang akan dilepaskan dari tanggungjawab sebagai Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik mulai 31 Oktober 2004.

6. **Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Mohd Nor bin Husain sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar untuk tempoh tiga (3) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2007.** Sehubungan dengan pelantikan ini Profesor Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei akan dilepaskan dari tanggungjawab sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar mulai 31 Oktober 2004.
7. **Yang Berbahagia Profesor Dr. Hj. Md. Taib bin Hj. Dora sebagai Dekan Pusat Pengajian Siswazah untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.**
8. **Profesor Madya Dr. Zolkepli bin Buang sebagai Pengarah Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 1 November 2004 hingga 31 Oktober 2006.**

**2.0 Pelantikan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20 (4), (5), (6) dan (7) Perlembagaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.**

3.0 Sehubungan dengan perkara yang sama, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof dan Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin, masing-masing kekal sebagai Pengarah Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi; dan Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa yang telah dinaikkan taraf sebagai Pusat Tanggungjawab baru di bawah Penstrukturan dan Pengorganisasian Semula Universiti baru-baru ini.

4.0 Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti diharap dapat memberikan sokongan dan kerjasama kepada Dekan-Dekan dan juga Pengarah yang telah dilantik dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Sekian, terima kasih.

#### **'KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN'**

Saya yang menurut perintah



**HASAN BIN SIRUN**

Pendaftar

sk YBhg. Datuk Rektor  
Y.Bhg. Timbalan Rektor (Akademik)  
Y.Bhg. Datuk Timbalan Rektor (Pembangunan & Perancangan Korporat)  
Pegawai-pegawai Kanan / Dekan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

/nem